

25/04/2001

Tutup pasaran pintu belakang: Mahathir

PUTRAJAYA, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta negara Asean supaya tidak membenarkan negara bukan anggotanya menggunakan laluan ketiga atau pintu belakang untuk menembusi pasaran Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

Perdana Menteri berkata, jika tindakan iitu dibiarkan, negara anggota Asean akan mendapat kurang manfaat daripada Afta.

"Banyak negara bukan Asean mengharapkan untuk memasuki negara-negara kita (Asean) menerusi pintu belakang. Kita tidak harus membenarkan ini berlaku kerana ia mengurangkan faedah Afta kepada kita.

"Afta sebenarnya menyediakan kita dengan peluang untuk memperbesarkan keupayaan industri serta komersial dan kita tidak harus membiarkan peluang ini menjadi sia-sia dan kerugian kepada kita," katanya pada majlis jamuan meraikan Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra, dan rombongan di Seri Perdana, di sini malam ini.

Thaksin yang baru dipilih menerajui pemerintahan negara itu, diiringi enam menteri Kabinetnya, selain ahli perniagaan.

Februari lalu, Singapura dan Australia mengakhiri rundingan pusingan pertama untuk mengikat perjanjian perdagangan dan yakin ia boleh dimeterai menjelang akhir tahun ini.

Republik itu juga sebelum ini sudah memeterai perjanjian perdagangan bebas dengan New Zealand dan sedang berusaha secara agresif untuk mengikat perjanjian sama dengan Jepun, Amerika Syarikat, Kanada, Mexico dan Kesatuan Eropah.

Tindakan Singapura itu, yang ekonominya memang bergantung kepada perdagangan antarabangsa, tidak disenangi negara Asean lain.

Dr Mahathir berkata, Malaysia akan tetap mematuhi komitmennya kepada liberalisasi dan pembukaan pasaran seperti dikehendaki mengikut Afta.

"Ya, memang benar kita meminta untuk menangguhkan sementara kemasukan kenderaan siap pasang (CBU) dan pemasangan tempatan (CKD) barang automotif dalam skim Afta (daripada 1 Januari 2003 kepada 2005).

"Tetapi, penangguhan itu adalah semata-mata untuk membolehkan industri kereta negara, yang terjejas oleh krisis kewangan serantau 1997, melakukan penyusunan semula untuk kekal berdaya saing pada tempoh selepas Afta," katanya.

Beliau berharap pihak swasta kedua-dua negara akan terus bekerjasama untuk meraih faedah perdagangan antara Asean serta meraih manfaat sepenuhnya menerusi Afta.

Katanya, Asean adalah sektor penting bagi hal ehwal luar Malaysia dengan sentiasa memberi keutamaan, termasuk dalam program kerjasama ekonomi serantau.

Perdana Menteri berkata, sejak kebelakangan ini Malaysia dan Thailand berhadapan masalah yang sukar disebabkan campur tangan dalam pentadbiran serta pengurusan di negara masing-masing oleh orang asing yang kononnya prihatin.

"Kita menangani serangan itu dengan cara berbeza. Sebagai jiran, kita harus bertukar maklumat dan pandangan mengenai pengurusan ekonomi dan kewangan supaya kita boleh belajar antara satu sama lain bagi menjamin pemulihan lebih baik pada masa akan datang," katanya.

Dr Mahathir berkata, Thailand kini adalah rakan dagangan keenam terbesar dengan Malaysia. Dagangan dua hala mencatatkan peningkatan 28.3 peratus untuk mencecah AS\$6.3 bilion (RM24 bilion) pada tahun lalu berbanding

1999.

Katanya, kini lebih 50 syarikat Malaysia beroperasi di Thailand dalam pelbagai sektor, manakala pelaburan negara itu di sini juga menunjukkan pertumbuhan menggalakkan.

(END)